

01 AUG 1997

Mahathir-Pakistan (Dengan gambar)

HUBUNGAN M'SIA-PAKISTAN BUKTIKAN ORANG ISLAM BOLEH BEKERJASAMA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Pengenalan pakej reformasi yang menyeluruh oleh Pakistan diharap dapat membuka lebih banyak peluang kepada ahli perniagaan dan pelabur Malaysia untuk menyertai dalam projek-projek pembangunan negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berharap dasar-dasar baru itu akan membuka peluang bagi rakyat Malaysia dalam sektor seperti perumahan, infrastruktur, pembinaan, penerbangan, perbankan dan kewangan.

"Sektor swasta Malaysia, dengan pengalamannya di Afrika, Eropah, Amerika Latin, Asia Tenggara dan bahagian lain di dunia, boleh menyertai ahli perniagaan dari Pakistan dan membuat sumbangan bermakna ke arah meningkatkan lagi hubungan Malaysia-Pakistan.

"Penempatan semula industri berasaskan buruh ke Pakistan atas dasar usahasama boleh juga menyumbang ke arah mengurangkan ketidakseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara di samping mewujudkan peluang pekerjaan di Pakistan," katanya pada jamuan malam untuk meraikan Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif di Sri Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata hubungan dua hala antara kedua-dua negara adalah sebanyak AS\$698 juta (RM1.74 bilion) pada 1996, dan daripada jumlah itu Malaysia mengeksport sebanyak AS\$649 juta (RM1.62 bilion).

Walaupun ketidakseimbangan itu telah bertambah sejak kebelakangan ini, beliau yakin jurang itu boleh dikurangkan.

"Dalam hubungan ini, saya mengalu-alukan rombongan ahli perniagaan Pakistan dan berharap mereka beroleh kejayaan dalam pertemuan dan perbincangan dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Pakistan boleh juga bekerjasama dalam mencari peluang-peluang di negara ketiga, terutama di republik-republik Asia Tengah yang baru mencapai kemerdekaan di mana potensi pasaran wujud.

"Masanya sudah tiba bagi kita untuk menunjukkan kepada dunia bahawa orang Islam boleh bekerjasama demi kebaikan mereka dan kesejahteraan dunia sejagat," katanya.

Beliau gembira dengan tahap kerjasama di antara kerajaan, Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Peringkat Menteri yang pertama yang diadakan baru-baru ini dan beliau akan menggesa kedua-dua pihak supaya mengambil tindakan untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang dipersetujui pada mesyuarat itu.

Menyentuh mengenai isu Kashmir, Dr Mahathir berkata beliau berharap rundingan pusingan kedua antara Pakistan dan India yang diadakan baru-baru ini di Islamabad akan mencorakkan hubungan yang mesra dan erat antara kedua-dua negara.

"Saya berharap rundingan itu akan membuka jalan yang positif dalam menegar keamanan dan kestabilan di benua kecil itu berhubung isu Kashmir," katanya.

Mengenai Afghanistan, beliau berkata Malaysia menyokong sebarang usaha untuk membawa puak-puak yang bertelagah berunding dalam usaha mencapai keamanan yang berkekalan di negara itu. -- BERNAMA

MNY AKD